



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM

BILANGAN 1 TAHUN 2023

**GARIS PANDUAN MEKANISME PELAKSANAAN
PROGRAM ANUGERAH INOVASI PERDANA SEKTOR AWAM (AIPSA)**

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Tujuan	2
Latar Belakang	2
Keperluan	3
Pelaksanaan	4
Struktur Tadbir Urus	4
Pemakaian	4
Tarikh Kuat Kuasa	5
Pertanyaan	5
Senarai Lampiran	6



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MALAYSIA**

Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Blok Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya

Tel : 603-8872 7211
Faks : 603-8889 4479

Rujukan : MAMPU.600-1/17/1(3)
Tarikh : 10 Januari 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

**PEKELILING KEMAJUAN PENTADBIRAN AWAM
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN MEKANISME PELAKSANAAN
PROGRAM ANUGERAH INOVASI PERDANA SEKTOR AWAM (AIPSA)**

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada agensi sektor awam mengenai Garis Panduan Mekanisme Pelaksanaan Program Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) bagi mengantikan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2006: Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam.

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan anugerah inovasi telah dimantapkan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 3 Tahun 1991 bertajuk "Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam" yang diperkenalkan pada tahun 1991. Pekeliling ini bertujuan memberi

pengiktirafan kepada individu, kumpulan dan agensi yang berjaya melaksanakan inovasi di agensi masing-masing.

3. Seterusnya, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2006 bertajuk "Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam" diperkenalkan pada tahun 2006. Memandangkan berlaku perubahan terhadap kriteria penilaian dan tadbir urus berhubung pelaksanaan inovasi, pekeliling tersebut perlu disemak dan dikaji semula agar terus relevan mengikut keperluan semasa.

KEPERLUAN

4. COVID-19 yang melanda seluruh dunia bermula pada tahun 2019 sehingga kini telah menjaskan kualiti penyampaian perkhidmatan pada semua sektor. Sektor awam tidak terkecuali berhadapan dengan pelbagai kekangan untuk memberikan perkhidmatan yang lancar kepada rakyat terutamanya semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].

5. Fasa pandemik telah mendorong sektor awam untuk melakukan perubahan dengan menggabungkan tenaga dan minda bagi memenuhi ekspektasi dan aspirasi rakyat secara bersepadu. Selaras dengan fasa baharu endemik, sektor awam perlu menerapkan prinsip S.W.I.F.T. iaitu pantas (*speed*), bertaraf dunia (*world-class knowledge*), memberi inspirasi (*inspirational*), fleksibel (*flexible*) dan berdasarkan teknologi (*technology-based*) dalam inisiatif inovasi bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan.

6. Sehubungan itu, agensi sektor awam perlu melipatgandakan usaha mempermudah serta mempercepat urusan berkaitan perkhidmatan kepada rakyat. Usaha yang dilaksanakan oleh agensi sektor awam merupakan inovasi yang menyumbang kepada peningkatan kualiti perkhidmatan awam.

7. Sektor awam juga perlu menerapkan norma baharu pasca COVID-19 bagi menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat dengan mampan menerusi pelbagai inovasi seiring dengan perkembangan teknologi terkini. Inovasi yang dilaksanakan

hendaklah berimpak tinggi serta menguntungkan kerajaan dan rakyat. Selain itu, aspek pengurusan perubahan juga perlu diberi penekanan bagi memastikan norma baharu dalam perkhidmatan kerajaan berjalan dengan lancar dan berjaya.

PELAKSANAAN

8. Garis Panduan Mekanisme Pelaksanaan Program AIPSA dalam pekeliling ini menjelaskan perkara-perkara seperti yang berikut:

- i. Konsep Program AIPSA; dan
- ii. Tadbir Urus dan Mekanisme Pelaksanaan.

9. Garis Panduan Mekanisme Pelaksanaan Program AIPSA disediakan sebagai rujukan kepada agensi sektor awam untuk menyertai program anugerah inovasi pada peringkat negara dengan penekanan kepada penghasilan inovasi berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan seperti di **LAMPIRAN A**.

STRUKTUR TADBIR URUS

10. Tadbir urus program AIPSA ini melibatkan tiga jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kriteria dan Pemarkahan, Jawatankuasa Pencalonan serta Jawatankuasa Pemilihan. MAMPU selaku Sekretariat AIPSA bertanggungjawab membuat penyelarasan tadbir urus melibatkan ketiga-tiga jawatankuasa program AIPSA, berperanan dalam menyaring penyertaan Anugerah Inovasi Sektor Awam (AInSA) dan Anugerah DNA Inovasi Sektor Awam (ADISA) serta mengenal pasti kriteria penilaian dan pemarkahan bagi program AIPSA.

PEMAKAIAN

11. Pekeliling ini terpakai kepada semua agensi Perkhidmatan Awam Persekutuan. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

TARIKH KUATKUASA

12. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai tarikh dikeluarkan dan terpakai hingga dibatalkan. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2006 bertajuk "Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam" bertarikh 19 Mei 2006 adalah dibatalkan.

PERTANYAAN


13. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pekeliling ini boleh dikemukakan kepada:

Pengarah
Bahagian Perundingan Pengurusan 2
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Setia Perdana 2
Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 W.P. PUTRAJAYA
No. Telefon : 03 - 8872 5011
No. Faks. : 03 - 8888 3721
E-mel : sekretariataipsa@mampu.gov.my
Laman sesawang : <https://aipsa.mampu.gov.my>

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI DATO' SERI MOHD ZUKI BIN ALI)

SENARAI LAMPIRAN

TAJUK LAMPIRAN

- A Garis Panduan Mekanisme Pelaksanaan Program AIPSA
- A1 Simulasi Proses Permohonan Projek/Inisiatif Menyertai AlnSA dan ADISA
- A2 Simulasi Penyertaan Agensi dalam Program AIPSA
- A3 Manual Pengguna Aplikasi MyAIPSA
- A4 Carta Alir Permohonan Penyertaan Program AIPSA
- A5 Pembahagian Markah AlnSA dan ADISA
- A6 Format Laporan Akauntabiliti

LAMPIRAN A
Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam
Bilangan 1 Tahun 2023

**GARIS PANDUAN MEKANISME PELAKSANAAN
PROGRAM ANUGERAH INOVASI PERDANA SEKTOR AWAM (AIPSA)**

**UNIT PEMODEGAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
SENARAI RAJAH	ii
SENARAI JADUAL	iii
AKRONIM	iv
TAKRIFAN	v
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.1 Tujuan	1
1.2 Definisi	1
1.3 Objektif	2
BAB 2 : KONSEP PROGRAM AIPSA	3
2.1 Latar Belakang	3
2.2 Kerangka Program	3
2.3 Kategori Anugerah	5
BAB 3 : TADBIR URUS DAN MEKANISME PELAKSANAAN	7
3.1 Jawatankuasa Anugerah	7
3.2 Syarat-syarat dan Tatacara Penyertaan	8
3.3 Penilaian dan Pemarkahan	14
3.4 Ganjaran Anugerah	15
3.5 Akauntabiliti Terhadap Ganjaran	15
3.6 Hab Inovasi Sektor Awam	15
3.7 Jadual Pelaksanaan	16
BAB 4 : PENUTUP	17

SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK
1	Kerangka Program AIPSA
2	Struktur Anugerah AIPSA
3	Struktur Tadbir Urus Program AIPSA
4	Pelaksanaan AIPSA Mengikut Suku Tahun

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK
1	Butiran Pengisian Slaid Pembentangan
2	Deskripsi Kriteria Penilaian

AKRONIM

ADISA	Anugerah DNA Inovasi Sektor Awam
AInSA	Anugerah Inovasi Sektor Awam
AIPA	Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam
AIPSA	Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam
DNA	<i>Deoxyribonucleic Acid</i>
GII	<i>Global Innovation Index</i>
ID	<i>Identification</i>
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KP	Ketua Pengarah
KSN	Ketua Setiausaha Negara
KSU	Ketua Setiausaha Kementerian
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MyAIPSA	Aplikasi Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PSUK	Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas
SDG	<i>Sustainable Development Goals</i>
SUK	Setiausaha Kerajaan Negeri

TAKRIFAN

Bagi maksud pemakaian Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2023, takrifan yang berikut diguna pakai:

- | | |
|-------------------------|--|
| 1. Agensi | Merujuk kepada agensi-agensi di bawah kementerian/PSUK |
| 2. Kementerian | Merujuk kepada kementerian-kementerian tidak termasuk agensi di bawahnya |
| 3. Kerajaan | Merujuk kepada Kerajaan Malaysia |
| 4. Ketua Agensi | Merujuk kepada ketua jabatan di sesuatu agensi |
| 5. Ketua Pemilik Projek | Merujuk kepada ketua agensi bertanggungjawab mengesahkan penyertaan projek/inisiatif inovasi pada peringkat agensi |
| 6. Pemilik Projek | Merujuk kepada ketua agensi/pegawai bertanggungjawab yang menghasilkan projek/inisiatif inovasi di kementerian/PSUK/agensi |
| 7. Penyelaras Projek | Merujuk kepada pegawai yang bertanggungjawab menyelaraskan projek/inisiatif inovasi secara keseluruhan di kementerian/PSUK |
| 8. Projek/Inisiatif | Merujuk kepada hasil inovasi kementerian/PSUK |
| 9. Sekretariat AIPSA | Bahagian Perundingan Pengurusan 2, MAMPU |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan memaklumkan agensi sektor awam mengenai program Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) meliputi konsep, tadbir urus dan mekanisme pelaksanaan program AIPSA.

1.2 DEFINISI

Definisi yang diguna pakai ialah seperti yang berikut:

i. DNA Inovasi

Projek atau inisiatif inovasi bertaraf rintis atau prototaip yang berpotensi untuk direplikakan atau dikomersialkan serta dijangka memberi impak tinggi kepada rakyat, komuniti perniagaan dan negara.

ii. Inovasi

Inovasi merupakan suatu pembaharuan atau perubahan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik dan menyampaikan nilai baharu kepada pelanggan. Dalam konteks sektor awam, suatu ciptaan yang memberi manfaat nyata dan nilai tambah kepada perkhidmatan sedia ada boleh dikategorikan sebagai inovasi.

iii. Sektor Awam

Sektor awam ialah merujuk kepada senarai agensi sektor awam seperti dibawah:

- a. Perkhidmatan Awam Persekutuan.
- b. Badan Berkanun Persekutuan.
- c. Perkhidmatan Awam Negeri.
- d. Badan Berkanun Negeri.
- e. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

iv. Trek

Trek merujuk kepada projek/inisiatif yang dipertandingkan dalam AlnSA dan ADISA dan merujuk kepada empat bidang iaitu:

a. Trek Sosial

Merujuk kepada projek/inisiatif yang memberi keberhasilan/impak kepada keperluan sosial dalam pelbagai peringkat masyarakat.

b. Trek Ekonomi

Merujuk kepada projek/inisiatif yang memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan ekonomi rakyat/negara.

c. Trek Infrastruktur

Merujuk kepada projek/inisiatif yang memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan infrastruktur rakyat/negara.

d. Trek Keselamatan dan Pentadbiran

- i. Keselamatan - Merujuk kepada projek/inisiatif yang memberi keberhasilan/impak kepada pengurusan keselamatan masyarakat/organisasi/negara.
- ii. Pentadbiran - Merujuk kepada projek/inisiatif yang memberi keberhasilan/impak kepada pemodenan sistem pentadbiran dan pengurusan organisasi.

1.3 OBJEKTIF

Program AIPSA ini mempunyai satu objektif utama iaitu membudayakan inovasi dalam sektor awam dan didukung oleh tiga objektif khusus iaitu:

- i. Mewujudkan dan menyemai DNA Inovasi dalam agensi sektor awam bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.
- ii. Mewujudkan platform bagi menggalakkan perkongsian pengetahuan dan kolaborasi pada peringkat nasional dan global.
- iii. Mengiktiraf hasil inovasi agensi sektor awam pada peringkat nasional.

BAB 2

KONSEP PROGRAM AIPSA

2.1 LATAR BELAKANG

Anugerah inovasi diwujudkan bertujuan mengiktiraf dan meraikan agensi yang telah memberi sumbangan signifikan dan nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan awam demi kesejahteraan rakyat. Anugerah inovasi mula diperkenalkan pada tahun 1990 dengan nama Anugerah Kualiti Perdana Menteri (AKPM) untuk keseluruhan kategori manakala bagi sektor awam pula dikenali sebagai Anugerah Kualiti Perkhidmatan Awam (AKPA). Bagi tempoh tahun 2009 hingga 2017, anugerah inovasi dijenamakan sebagai Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) bagi keseluruhan kategori manakala bagi sektor awam pula dikenali sebagai Anugerah Kualiti Sektor Awam (AKSA). Bagi tempoh tahun 2010 hingga 2016, AKSA dijenamakan semula sebagai Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA).

Walau bagaimanapun, pelaksanaan Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) dan Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) telah ditangguhkan sejak tahun 2018. Program ini ditangguhkan bagi memberi laluan melaksanakan kajian keberkesanan serta penambahbaikan kedua-dua program anugerah tersebut. Sehubungan itu, bagi menyemarakkan pembudayaan inovasi sektor awam, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan semula program anugerah inovasi ini dengan nama baharu iaitu Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA).


2.2 KERANGKA PROGRAM

Kerangka program AIPSA ini dijajarkan kepada dasar-dasar utama negara iaitu Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Rangka Tindakan

(*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia ke arah memenuhi 17 aspirasi *Sustainable Development Goals* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations*). Selain itu, hasil program AIPSA ini dijangka turut menyumbang kepada peningkatan kedudukan negara dalam *Global Innovation Index* (GII) oleh *World Intellectual Property Organization* (WIPO).

Secara umumnya, program AIPSA ini dibahagikan kepada tiga kategori iaitu Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA), Anugerah Inovasi Sektor Awam (AInSA) dan Anugerah DNA Inovasi Sektor Awam (ADISA).

Kategori AIPSA merupakan anugerah tertinggi dalam program AIPSA dan penerima utama kategori AIPSA dipilih dalam kalangan empat penerima terbaik kategori AInSA. Bagi kategori AInSA dan ADISA, pemilihan penerima terbaik adalah berdasarkan kepada empat trek iaitu Sosial, Ekonomi, Infrastruktur serta Keselamatan dan Pentadbiran. Hubung kait antara ketiga-tiga kategori anugerah tersebut diterangkan dengan terperinci dalam sub tajuk 2.3: Kategori Anugerah manakala kerangka program AIPSA ialah seperti dalam **Rajah 1**.



1 – *Global Innovation Index*

2 – *Sustainable Development Goals*

Rajah 1: Kerangka Program AIPSA

2.3 KATEGORI ANUGERAH

Perincian setiap kategori anugerah dalam program AIPSA ialah seperti yang berikut:

i. Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA)

- a. Anugerah tertinggi dalam program AIPSA.
- b. Satu penerima utama kategori AIPSA dipilih dalam kalangan empat penerima terbaik setiap trek kategori AInSA.


ii. Anugerah Inovasi Sektor Awam (AInSA)

- a. Anugerah kedua tertinggi dalam program AIPSA.
- b. Dikhususkan kepada projek/inisiatif inovasi yang dilaksanakan sepenuhnya dan memberi impak tinggi kepada rakyat, komuniti perniagaan dan negara.
- c. Dibahagikan kepada empat trek iaitu Sosial, Ekonomi, Infrastruktur serta Keselamatan dan Pentadbiran. Untuk keterangan terperinci mengenai setiap trek, sila rujuk perenggan 1.2 (iv).
- d. Dua penerima (iaitu terbaik dan kedua terbaik) dipilih bagi setiap trek.

iii. Anugerah DNA Inovasi (ADISA)

- a. Anugerah ketiga tertinggi dalam program AIPSA.
- b. Dikhususkan kepada projek/inisiatif inovasi bertaraf rintis, prototaip atau pembinaan kapasiti (*capacity building*) yang berpotensi untuk dikomersialkan (diperluas) serta dijangka memberi impak tinggi kepada rakyat, komuniti perniagaan dan negara.
- c. Dibahagikan kepada empat trek iaitu Sosial, Ekonomi, Infrastruktur serta Keselamatan dan Pentadbiran.
- d. Dua penerima (iaitu terbaik dan kedua terbaik) dipilih bagi setiap trek.
- e. Penerima kategori ADISA layak menyertai kategori AInSA pada tahun berikutnya.

Hubung kait antara ketiga-tiga kategori anugerah ini digambarkan melalui struktur anugerah AIPSA seperti dalam **Rajah 2**.



Rajah 2: Struktur Anugerah AIPSA


BAB 3

TADBIR URUS DAN MEKANISME PELAKSANAAN

3.1 JAWATANKUASA ANUGERAH

Tadbir urus program AIPSA ini melibatkan tiga jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kriteria dan Pemarkahan, Jawatankuasa Pencalonan serta Jawatankuasa Pemilihan. Jawatankuasa Kriteria dan Pemarkahan bertanggungjawab untuk memperakukan kriteria penilaian dan pemarkahan bagi program AIPSA serta menyemak semula kriteria penilaian dan pemarkahan bagi setiap kategori anugerah inovasi. Manakala, Jawatankuasa Pencalonan bertanggungjawab untuk menilai dan menyenarai pendek senarai calon penerima AlnSA dan ADISA. Jawatankuasa Pemilihan pula bertanggungjawab untuk memilih senarai calon penerima bagi kategori AIPSA, AlnSA dan ADISA. Selain itu, jawatankuasa tersebut juga memuktamadkan calon senarai penerima bagi kategori AlnSA dan ADISA. Manakala, calon penerima utama AIPSA diangkat untuk kelulusan Perdana Menteri.

MAMPU selaku Sekretariat AIPSA bertanggungjawab membuat penyelarasan tadbir urus melibatkan ketiga-tiga jawatankuasa program AIPSA. MAMPU turut berperanan dalam menyaring penyertaan AlnSA dan ADISA serta mengenal pasti kriteria penilaian dan pemarkahan bagi program AIPSA. Perincian struktur tadbir urus program AIPSA ialah seperti dalam **Rajah 3**.



Rajah 3: Struktur Tadbir Urus Program AIPSA

3.2 SYARAT-SYARAT DAN TATACARA PENYERTAAN

3.2.1 SYARAT-SYARAT UMUM

Berikut syarat-syarat umum proses penyertaan agensi sektor awam dalam program AIPSA:

- i. Terbuka kepada semua agensi sektor awam.
- ii. Projek/inisiatif inovasi yang dihasilkan hendaklah mempamerkan ciri-ciri keaslian (*originality*) dan baru (*novelty*).
- iii. Projek/inisiatif inovasi yang dihasilkan TIDAK MELEBIHI tiga tahun relatif kepada tahun program AIPSA diadakan (sila rujuk **Lampiran A1**).

iv. Setiap projek/inisiatif layak untuk menyertai **satu kategori anugerah dan satu trek sahaja** seperti yang berikut:

a. **Anugerah Inovasi Sektor Awam (AInSA)**

- Trek Sosial.
- Trek Ekonomi.
- Trek Infrastruktur.
- Trek Keselamatan dan Pentadbiran.

ATAU

b. **Anugerah DNA Inovasi Sektor Awam (ADISA)**

- Trek Sosial.
- Trek Ekonomi.
- Trek Infrastruktur.
- Trek Keselamatan dan Pentadbiran.

Walau bagaimanapun, bagi Trek Keselamatan dan Pentadbiran, penyertaan projek/inisiatif boleh memberi penekanan secara eksklusif kepada aspek keselamatan, aspek pentadbiran atau gabungan kedua-dua aspek tersebut tanpa prejudis.

Maklumat lanjut mengenai simulasi penyertaan agensi dalam program AIPSA ialah seperti di **Lampiran A2**.

3.2.2 SYARAT- SYARAT KHUSUS

Syarat-syarat khusus penyertaan bagi kategori AIPSA, AlnSA dan ADISA ialah seperti yang berikut:

i. **AIPSA**

Satu penerima utama dipilih dalam kalangan empat Penerima Terbaik bagi setiap trek di bawah kategori AlnSA.

ii. **AlnSA**

- a. Projek/inisiatif inovasi yang dilaksanakan sepenuhnya (dalam tempoh lebih daripada setahun tetapi tidak melebihi tiga tahun dan memberi impak tinggi kepada rakyat, komuniti perniagaan dan negara).
- b. Projek/inisiatif yang memberi manfaat secara menyeluruh kepada rakyat, komuniti perniagaan dan negara.

iii. **ADISA**

- a. Projek/inisiatif inovasi bertaraf rintis atau prototaip yang berpotensi untuk direplikakan atau dikomersialkan (dalam tempoh kurang daripada setahun).
- b. Projek/inisiatif yang berpotensi untuk memberi impak tinggi kepada rakyat, komuniti perniagaan dan negara.
- c. Projek/inisiatif yang berpotensi untuk memberi manfaat kepada lebih ramai kumpulan sasar seperti rakyat, komuniti perniagaan, dan negara.

3.2.3 TATACARA PENYERTAAN MELALUI APLIKASI MyAIPSA

- i. Setiap penyertaan hendaklah dihantar secara dalam talian melalui aplikasi MyAIPSA (<https://aipsa.mampu.gov.my>). Penyertaan secara manual adalah TIDAK dibenarkan.
- ii. Bagi menyelaras dan memudahkan urusan proses penyertaan pada peringkat agensi, para peserta (ketua pemilik projek dan pemilik projek) perlu merujuk kepada penyelaras projek yang dilantik oleh kementerian/PSUK masing-masing. Ketua Pemilik Projek (Ketua Agensi) akan membuat pengesahan penyertaan pada peringkat agensi sebelum dikemukakan Ketua Setiausaha (KSU)/Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK).
- iii. Bagi tujuan pendaftaran ID Penyelaras Projek di aplikasi MyAIPSA, kementerian/PSUK perlu menetapkan sekurang-kurangnya **tiga orang** pegawai sekurang-kurangnya Gred 44 sebagai Penyelaras Projek.
- iv. Penyelaras Projek di kementerian/PSUK akan bertanggungjawab untuk mendaftarkan ID bagi KSU/SUK, Ketua Pemilik Projek dan Pemilik Projek di bawah kementerian/PSUK/agensi.

Untuk keterangan lanjut, bagi perenggan 3.2.3, perkara i, ii, iii dan iv di atas boleh merujuk kepada dokumen Manual Pengguna Aplikasi MyAIPSA seperti di **Lampiran A3**. Aliran proses penyertaan program AIPSA melalui aplikasi MyAIPSA secara ringkasnya ialah seperti di **Lampiran A4**.

3.2.4 FORMAT DAN MEDIUM PELAPORAN

Setiap penyertaan perlu mengisi keterangan mengenai projek/inisiatif berdasarkan medan-medan atau format yang disediakan dalam aplikasi MyAIPSA. Sebagai tambahan, setiap penyertaan juga perlu memuat naik laporan projek/inisiatif dalam bentuk slaid pembentangan dan montaj dalam aplikasi MyAIPSA. Perincian kandungan slaid pembentangan dan montaj ialah seperti yang berikut:

a. SLAID PEMBENTANGAN

Slaid pembentangan yang dikemukakan perlu mengandungi butiran seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Butiran Pengisian Slaid Pembentangan

Bil.	Perkara	Bilangan Slaid (Maksimum)
1.	Muka Hadapan merangkumi: i. Nama agensi. ii. Tajuk projek/inisiatif inovasi.	1
2.	Ringkasan Eksekutif	1
3.	Kandungan Pembentangan	1
4.	Latar Belakang	3
5.	Objektif projek/inisiatif inovasi	2
6.	Kumpulan sasar dan faedah-faedah yang diperoleh	4
7.	Penerangan projek/inisiatif inovasi mengikut kriteria penilaian: i. Berimpak tinggi. ii. Nilai untuk wang (<i>value for money</i>). iii. Pendigitalan. iv. Kemampanan.	1 1 1 1
8.	Pencapaian/Kejayaan dan Pengiktirafan	3
9.	Kesimpulan	1

b. MONTAJ

- i. Montaj berdurasi maksimum tiga minit.
- ii. Memfokuskan projek/inisiatif inovasi yang dihasilkan.
- iii. Penghasilan montaj menggunakan idea asal.
- iv. Memuat naik montaj tersebut dan meletak pautan video pada aplikasi MyAIPSA.
- v. Montaj yang telah dimuat naik melalui storan pengkomputeran awan (*cloud*) dan beresolusi tinggi sekurang-kurangnya 2K (2048x1080 *pixel*) serta boleh diakses tanpa kata laluan.
- vi. Penggunaan suara latar dibenarkan bagi tujuan penerangan dan naratif kepada kandungan montaj.

Setiap dokumen dan penulisan hendaklah menggunakan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, bagi perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan, penggunaan bahasa Inggeris boleh diterima dan perlu dicondongkan.

Setiap projek/inisiatif inovasi yang dihantar perlulah diklasifikasikan sebagai **dokumen terbuka** dan **BUKAN dokumen terperingkat** (Rahsia Besar, Rahsia atau Sulit).

3.2.5 PELAWAAN PENYERTAAN

Pihak MAMPU akan membuat hebahan pelawaan penyertaan melalui surat/e-mel/portal rasmi/media sosial.

3.3 PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

3.3.1 PENILAIAN ANUGERAH

Secara asasnya, terdapat empat kriteria penilaian bagi setiap anugerah iaitu berimpak tinggi, nilai untuk wang (*value for money*), pendigitalan dan kemampanan. Setiap projek/inisiatif inovasi yang diterima akan melalui proses saringan, senarai pendek, pemilihan dan kelulusan. Deskripsi terperinci bagi setiap kriteria penilaian ialah seperti di **Jadual 2**.

Jadual 2: Deskripsi Kriteria Penilaian

KRITERIA PENILAIAN	DESKRIPSI
Berimpak Tinggi	<ol style="list-style-type: none"> Penyampaian perkhidmatan dari aspek keberhasilan (<i>outcome</i>) dan menepati aspirasi nasional. Inovasi yang memenuhi keperluan sosial rakyat serta memberi kesan kepada pelanggan/komuniti perniagaan. Berupaya mengukuhkan ekonomi negara.
Nilai untuk Wang (<i>Value For Money</i>)	<ol style="list-style-type: none"> Menunjukkan nilai untuk wang (<i>value for money</i>) dan mencerminkan keberkesanan kos. Menguntungkan kerajaan/rakyat/komuniti perniagaan dalam bentuk kewangan dan kualiti perkhidmatan serta memberi pulangan balik (<i>Return on Investment-ROI</i>) dalam jangka masa pendek/sederhana/panjang. Memaksimumkan output yang dijana daripada sumber yang digunakan, dengan proses yang optimum.
Pendigitalan	<ol style="list-style-type: none"> Manfaatkan teknologi digital untuk meningkatkan kecekapan proses kerja dan produktiviti. Penyelesaian efektif yang dihasilkan melalui pembangunan teknologi inovasi atau aplikasi baharu ke arah mentransformasikan penyampaian perkhidmatan kerajaan. Integrasi teknologi digital sebagai pemudah cara kepada aktiviti sehari-hari antara rakyat dan kerajaan. Elemen keselamatan dan privasi dititikberatkan. Inovasi yang dihasilkan membolehkan perkongsian maklumat, pengetahuan dan keupayaan/kemampuan (<i>capabilities</i>) dengan rakyat, pihak ketiga dan agensi kerajaan yang lain.
Kemampanan	<ol style="list-style-type: none"> Produk/prototaip inovasi yang berdaya tahan supaya membawa kepada penambahbaikan dalam bidang sosial, ekonomi dan infrastruktur. Penggunaan bahan yang mesra alam dan tidak menjelaskan alam sekitar. Produk/prototaip inovasi yang mengambil kira keperluan peringkat komuniti/golongan sasar. Pelaksanakan amalan perkongsian strategik dan kolaborasi bersama pelbagai pemegang taruh. Projek perlu menggambarkan kelestarian pengurusan sumber-sumber secara strategik, terancang, dan optimum bagi mengelakkan pembaziran.

3.3.2 PEMARKAHAN ANUGERAH

Pemarkahan ialah berdasarkan kepada wajaran yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kriteria dan Pemarkahan AIPSA. Keterangan terperinci pembahagian markah bagi kategori AlnSA dan ADISA ialah seperti di **Lampiran A5**.

3.4 GANJARAN ANUGERAH

Secara am, ganjaran kepada penerima anugerah mengikut kategori ialah dalam bentuk wang tunai, trofi, dan sijil. Kadar ganjaran adalah seperti diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dari semasa ke semasa.

3.5 AKAUNTABILITI TERHADAP GANJARAN


Elemen akauntabiliti perlu diberi penekanan dalam penggunaan/perbelanjaan ganjaran khasnya kategori AIPSA untuk memastikan penerima anugerah menggunakan ganjaran secara berhemah. Dalam hal ini, penerima anugerah bertanggungjawab untuk mengemukakan laporan akauntabiliti kepada MAMPU selaku sekretariat AIPSA melalui aplikasi MyAIPSA selewat-lewatnya pada suku keempat tahun berikutnya. Format laporan akauntabiliti ialah seperti di **Lampiran A6**.

3.6 HAB INOVASI SEKTOR AWAM

Projek/inisiatif inovasi yang menyertai program AIPSA akan disimpan di dalam hab inovasi sektor awam untuk rujukan dan perkongsian antara agensi. Hab inovasi sektor awam ini boleh dicapai melalui aplikasi MyAIPSA.

3.7 JADUAL PELAKSANAAN

Jadual Pelaksanaan Program AIPSA ialah seperti dalam **Rajah 4**.



Rajah 4: Pelaksanaan AIPSA Mengikut Suku Tahun

BAB 4

PENUTUP

Pembudayaan inovasi dalam sektor awam hendaklah sentiasa diamal dan dipertingkatkan bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan awam adalah pada tahap optimum. Sesungguhnya fokus kepada aspek inovasi ini hendaklah diberi penekanan dan keutamaan dalam situasi negara mendepani pelbagai cabaran serta ekspektasi pemegang taruh (*stakeholders*).

Adalah diharapkan penerima anugerah program AIPSA sentiasa berinovatif dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan sekali gus mengharumkan nama dan kedudukan negara di persada global.

Akhir sekali, semoga pewujudan garis panduan ini dapat menambah baik tadbir urus dan mekanisme pelaksanaan program AIPSA bagi menyemarakkan budaya inovasi dalam sektor awam.


SIMULASI PROSES PERMOHONAN PROJEK/INISIATIF BAGI MENYERTAI AlnSA DAN ADISA

A. AlnSA

Contoh 1:

Tahun Pelaksanaan Projek/Inisiatif: 2021

Tahun Layak Menyertai Program Anugerah: 2022/2023/2024



*Nota:


- S - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada **sosial** dalam pelbagai peringkat masyarakat?
- E - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan **ekonomi rakyat/negara**?
 - I - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan **infrastruktur rakyat/negara**?
 - K - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pengurusan **keselamatan pentadbiran/organisasi/negara**?
 - P - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pemodenan sistem **pentadbiran** dan pengurusan organisasi?

Bil.	Projek/Inisiatif	Kategori Anugerah	Sosial	Trek
1.	<p>Projek A: <i>Virtual Care @ Hospital at Home</i></p> <p>Ringkasan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perkhidmatan rundingan kesihatan secara dalam talian. ii. Alternatif kepada perkhidmatan pesakit luar sedia ada. iii. Pelaksanaan melibatkan semua hospital kerajaan seluruh negara. iv. Menjamin masa dan kos pengangkutan pesakit. <p>Kumpulan Sasar: Pesakit</p>	<p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan dibawah AInSA kerana telah muladilaksanakan pada tahun 2021 dan telah diperluas–seluruh Malaysia serta disokong oleh data bilangan pesakit yang mendapat manfaat Virtual Care @ Hospital at Home.</p>	<p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah trek Sosial berdasarkan aspek-aspek seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Memberi manfaat kepada kepada pesakit terutamanya yang mempunyai pengangkutan. ii. Menjaga kebaikan pesakit yang terlantar. iii. Kesihatan merupakan salah satu bidang sosial. 	

Contoh 2:

Tahun Pelaksanaan Projek/Inisiatif: 2021

Tahun Layak Menyertai Program Anugerah: 2022/2023/2024



***Nota:**


- S - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada **sosial** dalam pelbagai peringkat masyarakat?
- E - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan **ekonomi** rakyat/negara?
- I - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan **infrastruktur** rakyat/negara?
- K - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pengurusan **keselamatan** masyarakat/organsiasi/negara?
- P - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pemodenan sistem **pentadbiran** dan pengurusan organisasi?

Bil.	Projek/Inisiatif	Kategori Anugerah	Trek
1.	<p>Projek: eRoadTax @ Cukai Jalan RFID</p> <p>Ringkasan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Cukai jalan diletakkan pelekat RFID. ii. lanya boleh diakses melalui aplikasi mudah alih. iii. Urusan memperbaharui cukai jalan dibuat melalui aplikasi mudah alih. <p>Kumpulan Sasar: Pemilik Kenderaan</p>	<p>AlnSA</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah AlnSA kerana telah mula dilaksanakan pada tahun 2021 melibatkan semua pemilik kenderaan di seluruh negara.</p>	<p>Keselamatan</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah Trek Keselamatan berdasarkan aspek-aspek seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Mengatasi masalah kecurian kenderaan dan sindiket kenderaan klon. ii. Membolehkan badan penguatkuasa memantau kenderaan secara satelit. iii. Menghantar amaran kepada pihak berkuasa apabila tag RFID rosak. Mempunyai ciri keselamatan yang tinggi.

Contoh 3:

Tahun Pelaksanaan Projek/Inisiatif: 2022

Tahun Layak Menyertai Program Anugerah: 2023/2024/2025



***Nota:**


- S - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada **sosial** dalam pelbagai peringkat masyarakat?
- E - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan **ekonomi** rakyat/negara?
- I - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan **infrastruktur** rakyat/negara?
- K - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pengurusan **keselamatan** masyarakat/organisasi/negara?
- P - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pemodenan sistem **pentadbiran** dan pengurusan organisasi?

Bil.	Projek/Inisiatif	Kategori Anugerah	Trek
1.	<p>Projek: Penggunaan e-Wallet dalam Urusan Pembayaran Bil-Bil Kerajaan</p> <p>Ringkasan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Peluasan penggunaan e-Wallet dalam urusan pembayaran bil-bil kerajaan. ii. Bil-bil boleh diakses melalui aplikasi mudah alih. iii. Urusan pembayaran boleh dibuat secara dalam talian. <p>Kumpulan Sasar: Rakyat</p>	<p>AlnSA</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah AlnSA kerana telah mula dilaksanakan pada tahun 2022 dan diperluas seluruh Malaysia serta disokong data pengguna e-Wallet.</p> <p>Ringkasan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Meningkatkan prestasi urusan pembayaran kerajaan. ii. Memudahkan pelanggan membuat pembayaran. iii. Meningkatkan hasil kerajaan melalui pembayaran secara elektronik. 	<p>Ekonomi</p>

Contoh 4:

Tahun Pelaksanaan Projek/Inisiatif: 2022

Tahun Layak Menyertai Program Anugerah: 2023/2024/2025



***Nota:**

- S - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada sosial dalam pelbagai peringkat masyarakat?
- E - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan ekonomi rakyat/negara?
- I - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan infrastruktur rakyat/negara?
- K - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pengurusan keselamatan masyarakat/organisasi/negara?
- P - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pemodenan sistem pentadbiran dan pengurusan organisasi?


Bil.	Projek/Inisiatif	Kategori Anugerah	Trek
1.	<p>Projek: Projek Terowong Bawah Tanah bagi Saliran Air Banjir Seluruh Malaysia</p> <p>Ringkasan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Perlindungan kawasan berisiko banjir daripada ancaman bencana banjir. ii. Pengurangan limpahan air dan sungai utama ke kawasan bandar terutamanya. <p>Kumpulan Sasar: Rakyat</p>	<p>AInSA</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah AInSA kerana telah mula dilaksanakan pada tahun 2022 di kawasan berisiko banjir seluruh negara.</p>	<p>Infrastruktur</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah Trek Infrastruktur berdasarkan aspek-aspek seperti yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Pembinaan terowong saliran air banjir secara kekal. Mengurangkan kerosakan infrastruktur lain seperti jalan raya, bangunan dan sebagainya.

B. ADISA

Contoh 1:

Tahun Pelaksanaan Projek/Inisiatif: 2021

Tahun Layak Menyertai Program Anugerah: 2022/2023/2024



Nota: Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada sosial dalam pelbagai peringkat masyarakat?


- E - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan ekonomi rakyat/negara?
- I - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan infrastruktur rakyat/negara?
- K - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pengurusan keselamatan masyarakat/organisasii/negara?
- P - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pemodenan sistem pentadbiran dan pengurusan organisasi?

Bil.	Projek/Inisiatif	Kategori Anugerah	Infrastruktur	Trek
1.	<p>Projek: Projek Tebatan Banjir di Kuala Krai, Kelantan</p> <p>Ringkasan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Pembinaan tebatan banjir di Kuala Krai, Kelantan. ii. Penyelesaian masalah banjir di kawasan Kuala Krai ketika musim tengkujuh. <p>Kumpulan Sasar: Rakyat</p>	<p>ADISA</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah ADISA kerana telah mula dilaksanakan pada tahun 2021 dan berpotensi untuk diperluas di daerah-daerah lain yang berhadapan risiko banjir.</p>		

Contoh 2:

Tahun Pelaksanaan Projek/Inisiatif: 2022

Tahun Layak Menyertai Program Anugerah: 2023/2024/2025



*Nota:


- S - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada **sosial** dalam pelbagai peringkat masyarakat?
- E - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada pembangunan **ekonomi** rakyat/negara?
- I - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada pembangunan **infrastruktur** rakyat/negara?
- K - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada pengurusan **keselamatan** masyarakat/organisasi/negara?
- P - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada pemodenan sistem **pentadbiran** dan pengurusan organisasi?

Bil.	Projek/Inisiatif	Kategori Anugerah	Trek
1.	<p>Projek: Projek Sekolah Angkat di Daerah Pitas, Sabah</p> <p>Ringkasan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Kerjasama dengan pihak korporat untuk membaiki mutu pelajaran pelajar. ii. Pelajar sekolah daripada kumpulan isi rumah B40 dapat dibantu. <p>Kumpulan Sasar: Sekolah dan Pelajar</p>	<p>ADISA</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah ADISA kerana projek ini merupakan projek rintis dilaksanakan pada tahun 2022 di kawasan pedalaman Daerah Pitas, Sabah dan berpotensi untuk diperluas di sekolah-sekolah pedalaman yang lain.</p>	<p>Sosial</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah trek Sosial berdasarkan aspek-aspek seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Pendidikan merupakan salah satu bidang sosial. Memberi manfaat kepada pelajar B40.

Contoh 3:

Tahun Pelaksanaan Projek/Inisiatif: 2022

Tahun Layak Menyertai Program Anugerah: 2023/2024/2025



*Nota:


- S - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada **sosial** dalam pelbagai peringkat masyarakat?
- E - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan **ekonomi rakyat/negara**?
- I - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pembangunan **infrastruktur rakyat/negara**?
- K - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pengurusan **keselamatan masyarakat/organisasii/negara**?
- P - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impak kepada pemodenan sistem **pentadbiran** dan pengurusan organisasi?

Bil.	Projek/Inisiatif	Kategori Anugerah	Pentadbiran	Trek
1.	<p>Projek: Buku Rekod Perkhidmatan secara Digital @ eBRP</p> <p>Ringkasan Projek:</p> <p>i. Catatan buku rekod perkhidmatan dibuat secara dalam talian dengan pengintegrasian data dalam HRMIS.</p> <p>ii. Penglibatan warga JPA sahaja.</p> <p>Kumpulan Sasar: Warga JPA</p>	<p>ADISA</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah ADISA kerana merupakan projek dilaksanakan pada tahun 2022 yang melibatkan warga JPA. Projek ini berpotensi untuk diperluas ke semua kementerian/ PSUK.</p>	<p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah trek Pentadbiran kerana perkhidmatan melibatkan urusan penjawat awam.</p>	

Contoh 4:

Tahun Pelaksanaan Projek/Inisiatif: 2022

Tahun Layak Menyertai Program Anugerah: 2023/2024/2025




***Nota**

- S - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada sosial dalam pelbagai peringkat masyarakat?
- E - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada pembangunan ekonomi rakyat/negara?
- I - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada pembangunan infrastruktur rakyat/negara?
- K - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada pengurusan keselamatan masyarakat/organsiasi/negara?
- P - Adakah projek inovasi memberi keberhasilan/impact kepada permodenan sistem pentadbiran dan pengurusan organisasi?

Bil.	Projek/Inisiatif	Kategori Anugerah	Trek
1.	<p>Projek: Projek Penggunaan Semula Minyak Masak Terpakai bagi Kegunaan Jentera Pertanian di Daerah Baling, Kedah.</p> <p>Ringkasan Projek:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Penjimatkan kos pembelian minyak jentera pertanian. ii. Penggalakan kitar semula minyak terpakai. <p>Kumpulan Sasar: Petani</p>	<p>ADISA</p> <p>Justifikasi</p> <p>Projek lebih sesuai untuk penyertaan di bawah trek Ekonomi berdasarkan aspek-aspek seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Meningkatkan hasil pertanian. ii. Menjmatak kos bahan api untuk pertanian bagi petani. 	<p>Ekonomi</p>


SIMULASI PENYERTAAN AGENSI DALAM PROGRAM AIPSA

Contoh Kategori Anugerah: AlnSA
Trek: Sosial



SIMULASI PENYERTAAN AGENSI DALAM PROGRAM AIPSA

Contoh Kategori Anugerah: ADISA
Trek: Infrastruktur




MANUAL PENGGUNA

**Aplikasi MyAIPSA
(Aplikasi Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam)**

**KETUA SETIAUSAHA/SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
(KSU/SUK)**

CARTA ALIR PERMOHONAN PENYERTAAN PROGRAM AIPSA



PEMBAHAGIAN MARKAH AlnSA DAN ADISA

NILAI WAJARAN DIBAHAGI SAMA RATA

KRITERIA	I	M	D	K
WAJARAN	25%	25%	25%	25%
TREK:	SOSIAL, EKONOMI, INFRASTRUKTUR, KESELAMATAN DAN PENTADBIRAN			

NOTA:

- I** BERIMPAK TINGGI
- M** NILAI UNTUK WANG
(VALUE FOR MONEY)
- D** PENDIGITALAN
- K** KEMAMPAANAN



FORMAT LAPORAN AKAUNTABILITI

Bil.	Perkara	Bilangan muka surat (Maksimum)
1.	Muka Hadapan merangkumi: i. Nama agensi; dan ii. Tajuk projek/inisiatif inovasi.	1
2.	Ringkasan Eksekutif	3
3.	Pengenalan	2
4.	Latar Belakang	3
5.	Skop terperinci laporan merangkumi: i. Kumpulan sasar; ii. Faedah; dan iii. Perbelanjaan.	5
6.	Testimoni daripada kumpulan sasar (surat, temu bual atau tinjauan)	3
7.	Penutup	1